

27 NOV 2000

Singapura-Indonesia

S'PURA AKAN JAWAB KECAMAN PEDAS GUS DUR TIDAK LAMA LAGI

SINGAPURA, 27 Nov (Bernama) -- Kerajaan Singapura akan menjawab "tidak lama lagi" kecaman pedas Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid terhadap republik itu dengan berkata republik itu mengamalkan dasar luar hanya untuk kepentingan diri.

"Kami akan menjawab tidak ama lagi," kata seorang jurucakap Kementerian Luar hari ini.

Abdurrahman membuat kecaman itu dalam perjumpaan tertutup dengan masyarakat Indonesia di sini pada Sabtu dan juga telah mengkritik Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew.

Abdurrahman, atau lebih dikenali sebagai Gus Dur, berada di sini bagi menghadiri sidang kemuncak tidak formal Asean keempat.

"Pada umumnya, rakyat Singapura suka merendah-rendahkan orang Melayu, kami seolah-olah tidak wujud," kata beliau dalam kenyataannya yang disiarkan di muka depan oleh beberapa akhbar di Jakarta dan disiarkan oleh akhbar-akhbar Singapura hari ini.

"Sebelumnya, hanya Perdana Menteri Malaysia Mahathir (Mohamad) berani menentang Singapura, tetapi sekarang... Mahathir mempunyai kawan baru," kata Abdurrahman yang bertanya kepada pemimpin Malaysia itu semasa pertemuan semasa sarapan pagi pada mesyuarat Asean, mengapa Malaysia tidak mengawal bekalan air ke Singapura.

Beliau berkata jika Indonesia dan Malaysia menghentikan bekalan air, ke Singapura, republik itu "tidak akan mempunyai air untuk minum."

Abdurrahman turut mengecam Lee kerana menolak cadangannya untuk memasukkan Timor Timur dan Papua New Guinea dalam Asean.

"Hasil pertemuan saya dengan Lee Kuan Yew, adalah jelas bahawa Singapura hanya berminat untuk mengaut keuntungan daripada hubungannya dengan negara-negara jirannya."

"Sesetengah nasihat Menteri Kanan Lee memang berguna dan sesetengah tidak. Tidak bermakna saya perlu mengikut nasihatnya walaupun beliau seorang daripada penasihat antarabangsa saya. Lee cuma seorang penasihat atas nama," kata beliau dalam petikan kenyataannya yang disiarkan oleh akhbar utama Singapura, Straits Times.

Abdurrahman berkata beliau sekarang akan menmcadangkan Forum Pasifik Barat untuk memasukkan Timor Timur, Papua New Guinea, Australia dan New Zealand.

Abdurrahman mengkritik Goh kerana tidak menyebut Indonesia dalam pameran perdagangan serantau dan semasa mesyuarat Asean, Singapura hanya berminat untuk menjalin hubungan dengan China dan negara Asia Timur yang lain.

Tetapi Abdurrahman pernah memberi amaran kepada Singapura supaya tidak membiarkan kapal selamnya memasuki perairan Indonesia.

-- BERNAMA

TCL AAM FAZ